

**PROSEDUR PENGELASAN SEMULA REKOD TERPERINGKAT SEBELUM 1972
BAGI JABATAN YANG MASIH BEROPERASI DI BAWAH JAGAAN DAN KAWALAN
ARKIB NEGARA MALAYSIA**

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk menentukan prosedur pengelasan semula rekod terperingkat yang berada di bawah kawalan dan jagaan Arkib Negara Malaysia (ANM) bagi membolehkan orang ramai membuat rujukan ke atas rekod ini.

2. SKOP

Prosedur ini diguna pakai untuk mengelas semula rekod terperingkat yang diwujudkan sebelum penguatkuasaan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Pindaan 1986) oleh jabatan yang masih beroperasi, dan telah dipindahkan kepada jagaan dan kawalan Arkib Negara Malaysia.

3. LATAR BELAKANG

3.1 Arkib Negara Malaysia sebagai Pusat Arkib dan Penyelidikan Negara, bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan rujukan dan penyelidikan kepada semua penyelidik.

3.2 Antara isu yang kerap dibangkitkan oleh para penyelidik ialah rekod bertaraf arkib yang tidak dapat dirujuk kerana tarafnya masih terperingkat. Walau bagaimanapun, sebahagian rekod ini boleh dirujuk di institusi dan koleksi luar negara.

3.3 Mengikut Seksyen 38, Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629), Ketua Pengarah boleh membenarkan penyelidik membuat rujukan kepada rekod terperingkat sekiranya penyelidik tersebut telah memperolehi kebenaran

secara bertulis daripada Jabatan yang bertanggungjawab bagi rekod tersebut.

- 3.4 Terdapat lebih 32,000 rekod terperingkat yang belum dikelaskan semula. Rekod-rekod ini terutamanya yang diwujudkan sebelum 1972 amat popular dalam kalangan penyelidik, sebagai contoh kumpulan rekod Selangor Secretariat (1875 – 1953).

4. TAFSIRAN

“Pengelasan Semula”

Pengelasan Semula bermaksud pembatalan taraf terperingkat pada arkib awam demi membolehkan penyelidik mengakses bahan tersebut dan maklumat yang terkandung di dalamnya. Hasil pengelasan semula, maklumat terperingkat terhenti menjadi rahsia rasmi kerajaan.

5. KUASA PENGELASAN SEMULA REKOD TERPERINGKAT

- 5.1 Seksyen 37 Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) menghendaki arkib awam dijadikan tersedia untuk rujukan orang ramai selepas 25 tahun dari tarikh tamat rekod. Seksyen 8 Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629), memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk memeriksa kandungan mana-mana rekod terperingkat dengan tujuan mengelaskan semula atau menghapuskan pengelasan rekod terperingkat yang dalam jagaan dan kawalan Arkib Negara.
- 5.2 Surat Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia bertarikh 4 Februari 2010 (ruj. KPKK (R) 200/60/B Klt. 4 (20), menjelaskan Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia mempunyai kuasa untuk menentukan taraf terperingkat rekod awam yang bertarikh sebelum Akta Rahsia Rasmi 1972 (Pindaan 1986) mula berkuatkuasa.

6. PEMBENTUKAN JAWATANKUASA DAN PASUKAN PENGELASAN SEMULA REKOD TERPERINGKAT ANM

Jawatankuasa dan pasukan ini perlu dibentuk bagi melaksanakan pengelasan semula rekod-rekod terperingkat.

6.1. JAWATANKUASA PENGELASAN SEMULA REKOD TERPERINGKAT ARKIB NEGARA MALAYSIA

6.1.1. Keahlian Jawatankuasa Pengelasan Semula Rekod Terperingkat Arkib Negara Malaysia yang dicadangkan terdiri daripada:

- Pengerusi : Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan)
- Setiausaha : Ketua Seksyen Rujukan dan Akses
- Ahli :
 - a) Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelarasan
 - b) Pengarah Bahagian Pengurusan Penyelidikan dan Dokumentasi
 - c) Pengarah Bahagian Pengembangan
 - d) Pengarah Bahagian Arkib Negarawan

6.1.2 Bidang Tugas :

- a) Menerima dan menyemak senarai rekod terperingkat yang disediakan oleh Pasukan Pengelasan Semula Rekod Terperingkat.
- b) Memperakui Senarai Rekod Terperingkat Untuk Dikelaskan Semula yang dicadangkan oleh Pasukan Pengelasan Semula Rekod Terperingkat.
- c) Memperakui Senarai Rekod yang dicadang embargo, jika ada.

6.2 PASUKAN PENGELASAN SEMULA REKOD TERPERINGKAT :

6.2.1 Keahlian Pasukan :

- | | | |
|------------|---|--|
| Urus Setia | : | Seksyen Rujukan dan Akses |
| Setiausaha | : | Pegawai Arkib S(RA) |
| | | |
| i) Ketua | : | Ketua Seksyen Rujukan dan Akses |
| Pasukan 1 | | |
| Ahli | : | Pegawai dan Penolong Pegawai Arkib di Seksyen Rujukan dan Akses |
| | | |
| ii) Ketua | : | Ketua Seksyen Penyelidikan Khas |
| Pasukan 2 | | Negara |
| Ahli | : | Pegawai dan Penolong Pegawai Arkib di Seksyen Penyelidikan Khas Negara |
| | | |
| iii) Ketua | : | Ketua Seksyen Perancangan dan |
| Pasukan 3 | | Pemuliharaan |
| Ahli | : | Pegawai dan Penolong Pegawai Arkib di Seksyen Perancangan dan Pemuliharaan |
| | | |
| iv) Ketua | : | Pengarah Cawangan Negeri |
| Pasukan 4 | | |
| Ahli | : | Pegawai dan Penolong Pegawai Arkib di Cawangan Negeri |

6.2.2 Bidang tugas:

- a) Mengenal pasti rekod dalam mana-mana kumpulan arkib yang hendak dikelaskan semula.
- b) Menyediakan salinan senarai sedia ada (Senarai Penjelasan/Senarai Penerimaan/COMPASS).

- c) Mengenal pasti rekod yang perlu *diembargo** dan tandakan di senarai sedia ada.
- d) Menyediakan laporan.
- e) Mengemukakan laporan dan senarai sedia ada ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengelasan Semula Rekod Terperingkat Arkib Negara Malaysia.
- f) Membatalkan taraf terperingkat rekod.
- g) Mengemas kini taraf rekod pada Senarai Penjelasan/Senarai Penerimaan/COMPASS

7. TATACARA PENGELASAN SEMULA

Tatacara pengelasan semula rekod-rekod terperingkat adalah seperti berikut :

- a) Mengenal pasti rekod dalam mana-mana kumpulan arkib yang hendak dikelaskan semula.
- b) Menyediakan salinan senarai sedia ada (Senarai Penjelasan/Senarai Penerimaan/COMPASS).
- c) Mengenal pasti rekod yang perlu *diembargo**.
- d) Mengemukakan laporan dan senarai ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengelasan Semula Rekod Terperingkat Arkib Negara Malaysia.
- e) Menyemak dan memperakui laporan dan senarai.
- f) Mengemukakan laporan dan senarai yang telah diperakui oleh Jawatankuasa Pengelasan Semula Rekod Terperingkat Arkib Negara Malaysia untuk kelulusan Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia.

- g) Membatalkan taraf terperingkat rekod dengan menggunakan cap 'TERBUKA' ke atas;
 - a. Kulit Fail hadapan dan belakang kulit fail
 - b. Lima (5) helaian hadapan, tengah dan belakang pada setiap surat yang telah dikelaskan semula.

- h) Mengemas kini taraf rekod pada Senarai Penjelasan/Senarai Penerimaan/COMPASS.

- i) Aliran kerja adalah seperti dalam **Lampiran 1**

- j) Borang Laporan seperti dalam **Lampiran 2**

**Embargo merujuk kepada sekatan akses ke atas arkib awam untuk tempoh tertentu.*


8. PENUTUP

Dengan adanya prosedur pengelasan semula yang jelas seperti yang dicadangkan dalam kertas ini, para penyelidik akan dapat merujuk kepada bahan arkib secara lebih menyeluruh, serta menghasilkan kajian yang lebih sempurna dan mendalam, sejajar dengan aspirasi Arkib Negara Malaysia untuk menjadi pusat penyelidikan negara yang lengkap dan unggul.

LAMPIRAN 1

Carta Aliran :

**ALIRAN KERJA PENGELASAN SEMULA REKOD TERPERINGKAT SEBELUM 1972
BAGI JABATAN YANG MASIH BEROPERASI DI BAWAH JAGAAN DAN KAWALAN
ARKIB NEGARA MALAYSIA**



LAMPIRAN 2

**LAPORAN PENGELASAN SEMULA REKOD TERPERINGKAT SEBELUM 1972 BAGI
JABATAN YANG MASIH BEROPERASI DI BAWAH JAGAAN DAN KAWALAN
ARKIB NEGARA MALAYSIA**

A. Laporan Pasukan Pengelasan Semula Rekod Terperingkat

Kumpulan Rekod : _____ Tahun diliputi: _____
Jenis Rekod : _____ Senarai Rekod : dilampirkan
Tarikh Mesyuarat : _____
Tarikh dimajukan
ke Jawatankuasa : _____

B. Perakuan Jawatankuasa

Laporan :

.....
.....
.....
.....

Tarikh:.....

.....

Nama dan Tandatangan
Pengerusi
Jawatankuasa Pengelasan
Semula Rekod Terperingkat

C. Kelulusan Ketua Pengarah

Keputusan :
Tandatangan :
Nama dan Cap Jawatan :
Tarikh :

D. Tindakan Susulan

- Rekod telah dikemaskini :

a) Senarai Penjelasan

Tarikh :

b) Senarai COMPASS

Tarikh :

- Laporan dimasukkan TRIM/didoket.

Tarikh :

Tarikh :

.....

Nama dan Tandatangan
Ketua Pasukan

Pengelasan Semula Rekod Terperingkat